

R.

PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM PERSATUAN AGAMA ISLAM
DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH
HULU LANGAT.

Ishak bin Haji Ismail

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk Ijazah
Sarjana Pendidikan.

1999

ABSTRAK

Kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum sekolah. Ia penting untuk penyuburan fizikal, mental, emosi dan sosial pelajar-pelajar. Secara umumnya, kejayaan pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah bergantung kepada beberapa faktor. Antara faktor-faktor tersebut ialah kewangan, kemudahan, penjadualan masa, kemahiran guru dan penglibatan pelajar.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum Persatuan Agama Islam di dua buah sekolah menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah temu bual dan soal selidik. 78 ahli Persatuan Agama Islam telah diberi soal selidik dan 7 orang guru penasihat Persatuan Agama Islam telah ditemu bual.

Kajian ini mendapati kedua-dua buah sekolah menghadapi masalah kewangan, kekurangan kemudahan dan penjadualan aktiviti yang terhad. Kajian ini juga mendapati guru-guru yang mengendalikan aktiviti kokurikulum ini tidak mahir dan penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti persatuan tidak memuaskan.

Guru-guru Penasihat Persatuan Agama Islam mencadangkan supaya kerajaan memberikan insentif kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum. Mereka juga mencadangkan supaya pihak kerajaan memperlengkapkan kemudahan-kemudahan dan menyediakan latihan-latihan kepada

guru-guru yang mengendalikan Persatuan Agama Islam di sekolah.

IMPLEMENTATION OF ISLAMIC RELIGION SOCIETY IN TWO SECONDARY SCHOOLS IN THE HULU LANGAT DISTRICT

ABSTRACT

Co-curriculum is a part and partial of school curriculum. It is important for developing student's physical, mental, emotional and social aspects. Generally, the successful implementation of co-curriculum in schools depends on several factors. These factors are financial, facilities, time tabling, teachers' skills and students' involvement.

The purpose of this study is to identify the problems in implementing the co-curricular activity in Islamic Religion Society in two secondary schools in the Hulu Langat District, Selangor Darul Ehsan.

The method used in this study is survey, which apply two instruments-interview and questionnaire. Seventy-eight members of the Islamic Religion Association were given questionnaire while seven co-curricular advisers were interviewed.

The research finding shows that both schools were having financial problems, insufficient facilities and limited time tabling in running activities. The study also shows that teachers handling the co-curricular activity are unskilled and students' involvement in activities was not satisfactory.

The advisors suggest that government should give incentive to the teachers and students who are actively involved in co-curricular activities. They also suggested that government should upgrade the school' facilities and provide training to the teachers who are handling Islamic Religion Association in School.

PENGHARGAAN

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana kurniaan taufik dan hidayah serta inayahnya, saya dapat menyelesaikan kajian ini, walaupun menghadapi berbagai rintangan.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Azizah Lebai Nordin yang telah banyak mencurahkan ilmu, pengalaman serta bimbingan kepada saya dalam menyempurnakan projek ini. Begitu juga kepada semua pelajar-pelajar serta guru-guru penasihat Persatuan Agama Islam di Sekolah Menengah Taman Delima dan Sekolah Menengah Taman Mawar (bukan nama sebenar), yang telah memberi kerjasama dengan penuh iltizam terhadap kajian ini. Tidak dilupakan pengorbanan serta semangat dan dorongan yang diberikan oleh isteri yang tercinta, Hajjah Roseitah binti Haji Adam sehingga berjaya menyiapkan kertas projek ini. Begitu juga kepada Bonda Hajjah Asmah binti Haji Ngah yang tidak jemu-jemu memberi nasihat dan bimbingan kepada saya agar berjaya dalam kehidupan. Kepada anak-anakku yang dikasihi, Nur Wahidatul Izzati, Nurul Wahibah, Nurul Wardah dan Nur Najwa Nakhirah, kejayaan ini adalah untukmu. Moga-moga Allah dapat membalas jasa dan budimu kalian.

Saya akhiri dengan harapan agar kajian ini dapat membuka jalan kepada bakal-bakal penyelidik untuk membuat kajian selanjutnya berkaitan dengan bidang kurikulum Persatuan Agama Islam khususnya dan Pendidikan Islam.

Ishak Haji Ismail

Mei 1999

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
ABSTRAK	ii - iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi - vii
BUTIR JADUAL dan LAMPIRAN	viii

BAB SATU : PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Soalan-soalan Kajian	6
1.3 Kepentingan Kajian	7
1.4 Batasan Kajian	8
1.5 Definasi Istilah	8 - 9

BAB DUA : TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.0 Pengenalan	10
2.1 Konsep Kokurikulum	10
2.2 Kepentingan kokurikulum	11
2.3 Organisasi dan pelaksanaan gerakerja kokurikulum	14

2.4	Masalah-masalah dalam pelaksanaan gerakerja Kokurikulum	17
-----	--	----

BAB TIGA : REKA BENTUK KAJIAN

3.0	Pendahuluan	19
3.1	Metodologi Kajian	19
3.1.1	Pemilihan Sampel	19
3.1.2	Instrumen Kajian	20
3.1.3	Analisis data	22

BAB EMPAT : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	23
4.1	Hasil temuduga dengan guru-guru penasihat	23 - 30
4.2	Cadangan-cadangan	30
4.3	Rumusan	31
4.4	Hasil penemuan dari soal selidik dengan ahli- ahli persatuan	32 - 45
4.5	Rumusan	45-46

BAB LIMA:RUMUSAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	47
5.1	Masalah yang dikenalpasti	47
5.2	Dapatan kajian dan implikasi	48 - 49
	Buku Rujukan	49- 51

BUTIR JADUAL dan LAMPIRAN	halaman
Jadual 1: Masalah kewangan	33
Jadual 2: Masalah Kemudahan	35
Jadual 3 : Masalah Penjadualan Masa	36
Jadual 4 : Masalah Kemahiran Guru	37
Jadual 5 : Halangan menyertai aktiviti Persatuan Agama Islam	38
Jadual 6 : Galakan menyertai aktiviti Kokurikulum Persatuan agama Islam	39
Jadual 7 : Faktor pendorong menyertai aktiviti Persatuan Agama Islam	40
Jadual 8 : Perbandingan Peratusan antara dua buah sekolah	42
Borang Soal Selidik	Lampiran A
Rangka Panduan Temu bual	Lampiran B